

EK

ECONEWS

M'SIA INGIN LIHAT LEBIH BANYAK PELABURAN DRP PENIAGA KOREA

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Malaysia ingin melihat lebih banyak pelaburan daripada kumpulan syarikat-syarikat Korea Selatan atau "chaebols" di Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil melahirkan ketidakpuasan hatinya terhadap tahap pelaburan Korea di negara ini, beliau berkata Malaysia bukan sahaja memberikan layanan yang baik malah merupakan pusat yang menguntungkan.

"Saya harus menyebut bahawa pelaburan dua hala antara Korea dengan Malaysia adalah mengecewakan," kata beliau sambil membandingkan pelaburan Jepun, Britain dan Taiwan yang lebih besar, sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama membuat Kenderaan Perdagangan Nasional (MNCV) di sini.

"Pertubuhan-pertubuhan besar datang ke sini untuk mendapatkan kontrak-kontrak dan dalam beberapa contoh, kami telah menyokong mereka semata-mata untuk melihat mereka meninggalkan negara ini setelah menyiapkan projek-projek tersebut," kata Dr. Mahathir.

"Kami, orang-orang Malaysia mempunyai jiwa, azam, dan aspirasi yang besar, idea-idea yang pragmatik dan kepekaan yang tinggi terhadap keperluan-keperluan perniagaan. Kami ingin belajar daripada anda (Korea) dan berharap satu hari kelak akan menjadi masyarakat industri yang progresif," kata beliau.

"Kami percaya akan mencapai kemajuan ini melalui kerjasama yang bermakna dan ikhlas. Negara-negara lain yang telah melaksanakannya mendapati hasil daripada kemakmuran Malaysia, pasaran yang baik bagi eksport barangan mereka dapat diwujudkan."

"Begitu juga sebaliknya, Malaysia kini melabur di negara-negara membangun dengan harapan apabila negara-negara ini makmur, perdagangan dua hala akan dapat diteruskan," tambah beliau.

Beliau berharap perjanjian usahasama mengeluarkan MNCV di antara Berjaya Group Bhd, Hyumal Motor Sdn Bhd dan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Bhd dengan Hyundai Motor Company dari Korea Selatan akan menjadi penggerak utama bagi pelaburan selanjutnya daripada "chaebols".

Dr. Mahathir berkata beliau juga gembira dengan rancangan Hyundai untuk menubuhkan kemudahan pembuatan gear yang akan menyumbangkan kepada pembuatan keseluruhan sistem transmisi dalam negara bukan sahaja untuk industri kenderaan penumpang dan perdagangan, malah juga untuk pasaran motosikal.

Untuk para pengusaha Malaysia dan asing meraih keuntungan daripada perkembangan dalam industri motor, beliau menggesa Korea terus membantu para pembuat komponen kecil dalam bidang pembangunan kerja dan penyelidikan kerana ia menentukan mutu dan daya saing barangan akhir dalam jangka masa panjang.

Sementara itu, Pengerusi Hyundai Business Group, Chung Se Yung, melahirkan keyakinannya bahawa lebih ramai ahli perniagaan Korea Selatan akan melabur di negara ini.

"Saya fikir, kami juga boleh melakukan seperti apa yang telah dilakukan oleh para peniaga Jepun di negara ini," tambah beliau. -- Bernama